KOPERASI KOPERKASA SARAWAK BERHAD

Koperasi Koperkasa Sarawak Berhad (KOPERKASA) adalah sebuah koperasi yang ditubuhkan di bawah Akta Koperasi 1993 pada 6 September 1949. Selaras dengan perkembangan Koperasi ini, kami mempelawa calon berwarganegara Malaysia yang berkelayakan dan berminat untuk mengisi kekosongan seperti berikut:

Jawatan	:	**PENOLONG PEGAWAI TADBIR**
Taraf Jawatan	:	**Tetap** Calon dilantik akan melalui tempoh percubaan sekurang-kurangnya 1 tahun sebelum dipertimbang untuk disahkan dalam jawatan (pelantikan tetap).
Bilangan Kekosongan	:	**Satu (1) orang**
Tempat Kekosongan	:	**Ibu Pejabat Kuching, Sarawak**
Unit	:	**Audit Dalaman**
Gred & Gaji Permulaan	:	**Gred B2: RM2,030.00**

SYARAT UMUM

1. Warganegara Malaysia, bermastautin di Sarawak.
2. Berumur tidak kurang daripada 18 tahun dan tidak melebihi 35 tahun pada tarikh tutup permohonan.
3. Boleh berkomunikasi dan menulis dengan fasih/baik dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
4. Mempunyai kemahiran menggunakan aplikasi Microsoft Office (Word, Excel, Powerpoint), penggunaan aplikasi Canva serta teknologi kecerdasan buatan (AI) adalah satu kelebihan.
5. Mempunyai personaliti yang baik, berintegriti, bertanggungjawab, bermotivasi tinggi, komited terhadap tugas yang diberikan serta berpenampilan kemas dan profesional.
6. Keutamaan diberikan kepada calon di kawasan operasi pejabat.

SYARAT AKADEMIK

Minimum Diploma dalam bidang Perakaunan, Kewangan, Pengurusan atau Pengurusan Perniagaan.

PENGALAMAN

1. Berpengalaman sekurang-kurangnya satu (1) hingga tiga (3) tahun dalam bidang berkaitan kewangan, perakauan atau pentadbiran.
2. Berpengalaman dalam audit dalaman, kawalan dokumen atau kerja penyediaan laporan kewangan akan diberi keutamaan.
3. Berpengalaman bekerja di koperasi merupakan satu kelebihan.

KOMPETENSI DAN KEMAHIRAN

1. Boleh membaca penyata kewangan
2. Boleh membuat pemerhatian dan analisis data.
3. Mampu menyediakan laporan bertulis seperti kertas penemuan, memo pematuhan atau laporan kepada pihak atasan.

CARA MEMOHON

Calon yang berminat hendaklah mengemukakan surat permohonan, resume terkini yang lengkap, sekeping gambar berukuran pasport (tidak akan dikembalikan), salinan MyKad, salinan sijil akademik serta salinan sijil-sijil berkaitan. Semua dokumen hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul surat dan ditandakan **"JAWATAN PENOLONG PEGAWAI TADBIR"** di penjuru kiri atas sampul surat sebelum dihantar kepada:

BAHAGIAN SUMBER MANUSIA
KOPERASI KOPERKASA SARAWAK BERHAD
NO. 16 – 20, WISMA KOPERKASA,
JALAN SIMPANG TIGA,
93300 KUCHING,
SARAWAK.

ATAU

Permohonan boleh dihantar melalui emel ke **hr@koperkasa.com.my** dengan subjek "**JAWATAN PENOLONG PEGAWAI TADBIR"**

Hanya calon yang disenarai pendek akan dipanggil untuk sesi temu duga.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN

Permohonan hendaklah diterima selewat-lewatnya pada **30 Oktober 2026 (Jumaat),** sebelum jam **3:00 petang**.